

SAMPEL

RANCANGAN PERNIAGAAN



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

RAKYATpreneur 2025

NAMA PERNIAGAAN:

HAMYMADIE ENTERPRISE

BIDANG PERNIAGAAN:

PEMBUATAN KUIH MUIH DAN KEK

NAMA PEMILIK:

CHE HAMIDAH BINTI CHE HASAN

NO. KAD PENGENALAN:

820808-06-5418

ALAMAT OPERASI:

A-4-51,PPRS PINGGIRAN PUTRA 3,26060 KUANTAN

TARIKH:

1 JANUARI 2026

RAKYATpreneur 2025

1. MAKLUMAT PERNIAGAAN

Nama Perniagaan	Hamymadie Enterprise
Jenis Perniagaan	Pemilikan Tunggal
Bidang Perniagaan	Pembuatan kuih muih,kek dan tat
Alamat Operasi	A-4-51,PPRS Pinggiran Putra 3,26060 Kuantan
Tarikh Mula Operasi	26 September 2022
No. Pendaftaran (SSM)	202203243828
Nama Pemilik / Rakan Kongsi	Che Hamidah binti Che Hasan

2. RINGKASAN PERNIAGAAN

Hamymadie Enterprise menjalankan perniagaan membuat dan menjual kuih-muih,kek dan aneka tat.Produk disediakan dari rumah dan sentiasa bersedia menerima tempahan untuk sebarang majlis seperti kenduri,majlis doa selamat,mesyuarat,jamuan dan infaq.

Objektif utama perniagaan adalah untuk menjana pendapatan yang stabil dan berterusan,membina pelanggan tetap,menawarkan produk berkualiti,sedap dan murah serta memastikan kepuasan pelanggan. Dengan pengalaman dalam penyediaan makanan dan sokongan pembiayaan daripada Bank Rakyat, perniagaan ini diyakini berpotensi untuk berkembang dan boleh bersaing dengan peniaga sedia ada.

3. PRODUK / PERKHIDMATAN

Produk / Perkhidmatan	Penerangan Ringkas	Harga (RM)
Kuih tradisional dan moden	9-50pcs	RM10-RM28 / kotak
Kek	7 inci- 9 inci	RM13-RM40 / kotak
Pelbagai tat	Bersaiz 5.5cm	RM22- RM34 / kotak
Prduk sejuk beku	10-12 biji	RM5- RM9 / paket

Kelebihan Produk / Perkhidmatan:

- Kuih muih tradisional dan moden
- Harga berpatutan
- Resipi tersendiri
- Tempahan fleksibel mengikut masa pelanggan

4. ANALISIS PASARAN

Sasaran Pelanggan	Sasaran pelanggan terdiri daripada penduduk setempat, individu, keluarga, badan kerajaan, jiran dan rakan sekolah.
Tahap Permintaan Pasaran	Permintaan sentiasa ada dan tinggi pada hari-hari pelepasan am, hujung minggu dan pada hari jamuan sekolah dan pejabat.
Pesaing Utama	Pengusaha bakeri dan peniaga kuih sekitar kawasan
Kelebihan Kompetitif	• Harga murah dan sedap • Kualiti rasa konsisten • Servis mesra pelanggan • Perkhidmatan penghantaran ke tempat pelanggan

5. STRATEGI PEMASARAN

Strategi pemasaran dijalankan melalui media sosial seperti Facebook, tiktok dan WhatsApp, promosi dari mulut ke mulut serta penawaran perkhidmatan penghantaran dengan caj rendah bagi memudahkan pelanggan mendapatkan produk yang dikehendaki serta menjaga kualiti dan kepuasan pelanggan.

6. OPERASI PERNIAGAAN

Lokasi Operasi	Dapur rumah / kiosk
Waktu Operasi	Mengikut tempahan pelanggan
Pembekal / Sumber Utama	Kedai barang bakeri, pasaraya, pemborong
Proses Operasi Ringkas	Proses Operasi: Tempahan → Pembelian bahan → Penyediaan → Pembungkusan → Penghantaran

7. PENGURUSAN & TENAGA KERJA

Pemilik bertanggungjawab ke atas pengurusan keseluruhan perniagaan dan dibantu oleh suami yang juga pembantu dapur setiap hari.

8. KEWANGAN (ANGGARAN RINGKAS)

- Kos Permulaan:	RM
• Peralatan dapur	5,000
• Bahan mentah awal	3,000
• Sewa / Lesen / Lain-lain (RM)	500
Jumlah Kos Permulaan (RM)	8,500
Anggaran Jualan Bulanan (RM)	5,000
Kos Operasi	3,000
Untung Kasar Bulanan (RM)	2,000

9. RISIKO & LANGKAH KAWALAN

Risiko utama termasuk persaingan dalam industri bakeri serta kenaikan harga bahan mentah. Langkah kawalan yang diambil adalah dengan mengawal kos pembelian, merancang perbelanjaan barang dengan membeli di kedai yang ada jualan murah dengan jumlah pukal dan mengekalkan kualiti perkhidmatan.

10 PENUTUP

Hamymadie Enterprise mempunyai potensi untuk berkembang berdasarkan permintaan pasaran yang konsisten serta pengurusan kos yang terkawal. Dengan sokongan dana daripada Bank Rakyat, perniagaan ini dijangka mampu memberi pulangan yang stabil dan berterusan.